

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SPW204 - Teori dan Kaedah Sains Politik

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan 1 dari Bahagian A dan DUA (2) soalan lagi dari Bahagian B.

Bahagian A

Soalan 1 wajib dijawab.

1. Berikan penjelasan ringkas untuk:

- (a) konsep “pembangunan politik” (Huntington)
- (b) konsep “pengasingan” (Marx)
- (c) konsep “hegemoni” (Gramsci)
- (d) cara-cara bagaimana pihak berkuasa mungkin mengesahkan pendominasian masyarakat sivil (Weber)
- (e) ikatan penaung-pelanggan (Powell)

(100 markah)

...2/-

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Menurut R. Bendix, kestabilan politik di negara-negara Europah Barat berdasarkan kesahan pihak pemerintahan di satu pihak dan kewarganegaraan yang menyeluruh di kalangan rakyat di pihak yang lain. Ulaskan pendapat Bendix ini.

(100 markah)

3. Apakah dimaksudkan oleh S.P. Huntington dengan “kemerosotan politik”? Mengapakah ia sering berlaku di negara-negara sedang membangun? Menurut Huntington lagi, bagaimana pula kemerosotan ini dapat diatasi di negara-negara sedang membangun?

(100 markah)

4. Max Weber merupakan ahli sains sosial utama yang meneliti fenomena “birokiasi moden”. Apakah unsur-unsur utama sebuah birokripsi moden? Apakah mungkin tiga-kesan utama kemunculan birokripsi moden ini terhadap masyarakat sivil?

(100 markah)

5. Menurut Rahman Embong, kelas menengah di Malaysia tidaklah homogeneous dan berpadu. Sebaliknya ia lebih merupakan beberapa fragmen kelas menengah.

Jelaskan mengenai kemunculan kelas-kelas menengah ini di Malaysia. Huraikan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh seseorang penyelidik apabila ingin menentukan saiz kelas menengah ini.

(100 markah)

6. Jelaskan konsep “sentimen primordial” seperitimana dipakai oleh C. Geertz. Menurut Geertz, mengapakah konflik perkauman berlaku di negara-negara sedang membangun yang pelbagai kaum?

Apakah kritikan terhadap hujah Geertz ini mengenai asal-usul konflik perkauman yang mungkin diketengahkan oleh seorang sarjana yang memakai pendekatan teoritis ekonomi-politik?

(100 markah)